

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
(AKTA 133)**

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS DAERAH SETIU) 2014**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Undang-Undang
Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

**BAHAGIAN II
PENGEMUKAAN PELAN**

4. Pengemukaan dan perakuan pelan kerja tanah
5. Kewajipan jurutera
6. Pelan hendaklah dikemukakan
7. Laporan, pelan spesifikasi dan butiran dikemukakan
8. Kajian penilaian kesan ke atas alam sekitar
9. Pelan diserahkan secara berasingan
10. Kerja cerucuk

**Undang-Undang
Kecil**

11. Pemantauan paras bunyi
12. Tata amalan yang berkaitan dipatuhi

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH ASAS

13. Keperluan perlindungan bagi kerja tanah asas
14. Tanah disiasat dan muka air tanah ditentukan

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN AM BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH

15. Permohonan berasingan untuk kerja pecah batu
16. Pemuliharaan tanah atas
17. Pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia untuk diusahakan
18. Kerja tanah melebihi tiga meter
19. Kerja tanah dijalankan secara berperingkat
20. Syarat dikenakan sebelum fasa seterusnya
21. Pelan, penentuan, butiran lanjut dan sebagainya jika dikehendaki
22. Pengangkutan dan peletakan tanah
23. Kenderaan pengangkut tanah
24. Cagaran
25. Kerosakan akibat kerja tanah

**Undang-Undang
Kecil**

26. Parit diselenggarakan sepanjang tempoh kerja
27. Kerja tanah dianggap dalam pelaksanaan
28. Papan tanda dipamerkan
29. Tugas jurutera untuk memaklumkan

**BAHAGIAN V
PENGUATKUASAAN**

30. Penalti
31. Kuasa menyita
32. Perlucuthakan jika ada pendakwaan
33. Perlucuthakan jika tiada pendakwaan
34. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

**BAHAGIAN VI
PELBAGAI**

35. Pemeriksaan pelan
36. Pengecualian
37. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
38. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
(AKTA 133)**

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS DAERAH SETIU) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] Majlis Daerah Setiu membuat undang-undang kecil yang berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Setiu) 2014.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Pemakaian

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Daerah Setiu.

Tafsiran

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] ;

“jurutera” ertinya seorang yang didaftarkan sebagai jurutera professional di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];

“jurutera Majlis” ertinya seseorang jurutera atau penolong jurutera seperti yang disenaraikan di bawah yang diperlukan untuk menjalankan fungsi seorang jurutera sebagaimana yang ditentukan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

(a) yang diambil bekerja sebagai kakitangan Majlis;

(b) yang dipinjam oleh Majlis daripada mana-mana agensi Kerajaan; dan

(c) yang diguna khidmat dengan bayaran fi oleh Majlis.

“kerja tanah” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan di bawah subseksyen 70A(18) Akta;

“kerja tanah asas” termasuklah pembinaan asas, tingkat bawah tanah, binaglas, cerucuk, peparit dan substruktur;

“kerja tanah kecil” ertinya mana-mana kerja tanah yang Majlis melalui arahan, mengecualikan daripada peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan kerja tanah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Setiu ;

“orang yang mengemukakan” ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan kerja tanah kepada pihak berkuasa tempatan mengikut Undang-Undang Kecil ini dan termasuk mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu;

“orang yang berkelayakan” ertinya seorang jurutera profesional atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengemukakan pelan;

“tanah” termasuklah apa-apa bahan yang berkaitan dengan kerja tanah;

“tanah atas” ertinya lapisan asal permukaan tanah repoi yang berorganik dari kawasan hutan atau kawasan penanaman, dengan tekstur berlom, sesuai untuk pertumbuhan pokok dan berukuran sehingga sekurang-kurangnya lima puluh sentimeter dalam.

BAHAGIAN II PENGEMUKAAN PELAN

Pengemukaan dan perakuan pelan kerja tanah

4. (1) Pelan berhubung dengan kerja tanah yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen 70A Akta, hendaklah diserahkan bersama-sama dengan borang permohonan dalam Borang A Jadual Kedua dan fi yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama dan hendaklah mengandungi butiran yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pelan yang dikemukakan dan ditandatangani oleh seorang jurutera hendaklah—

- (a) mengandungi suatu perakuan oleh jurutera menyatakan bahawa spesifikasi dan butiran yang terkandung di dalamnya betul dan mengikut amalan kejuruteraan yang biasa dan terkini;
- (b) diturunkan tanda tangan balas dan pengesahan oleh pemunya tanah yang berkenaan itu atau ejennya yang diberi kuasa secara bertulis dan hendaklah mengandungi alamat penuh pemunya itu atau ejen itu mengikut mana yang berkenaan; dan
- (c) diperakui oleh pemunya tanah atau ejennya yang diberi kuasa, mengikut mana yang berkenaan, bahawa pada setiap masa menyelenggara semua parit, permatang, penahan enap, kerja perlindungan dan pencegahan yang lain, sebelum, semasa dan selepas siapnya kerja tanah itu.

(3) Pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Majlis boleh dikemukakan semula untuk pindaan, perbezaan atau perubahan dan dalam hal yang demikian itu kehendak di bawah subperenggan 2(a) dan (b) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

(4) Kerja tanah hendaklah dimulakan dalam tempoh dua belas bulan selepas perakuan semua pelan dan spesifikasi berhubung dengan itu yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 7, perakuan pelan dan spesifikasi tersebut hendaklah luput apabila tamat tempoh tersebut.

(5) Walau apapun peruntukan perenggan 4, Majlis atas permohonan yang dibuat kepadanya boleh melanjutkan tempoh itu tidak melebihi dua belas bulan, tertakluk kepada separuh bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Kewajipan jurutera

5. (1) Jurutera yang memperakui pelan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan yang sempurna bagi kerja tanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab pada permulaan, semasa dan selepas pelaksanaan kerja tanah itu melainkan jika—

(a) dengan persetujuan Majlis seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih; dan

(b) Majlis bersetuju menerima penarikan dirinya.

(2) Jika Majlis bersetuju menerima penarikan diri seseorang jurutera di bawah subperenggan (1)(b) kerja tanah tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih.

(3) Jurutera yang memperakui pelan hendaklah menjalankan penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk memastikan kerja tanah itu dijalankan mengikut pelan, spesifikasi, arahan, pindaan atau syarat yang dikenakan oleh Majlis dan pada amnya mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(4) Jurutera yang memperakui pelan itu hendaklah memberitahu Majlis dalam masa tujuh hari bekerja sebelum tarikh permulaan kerja tanah itu dengan mengemukakan Borang B dalam Jadual Kedua.

(5) Jurutera yang memperakui pelan hendaklah dalam masa tujuh hari bekerja selepas selesai kerja tanah itu memberitahu Majlis dengan mengemukakan Borang C dalam Jadual Kedua bahawa kerja tanah itu telah diselesaikan.

(6) Perenggan (1) undang-undang kecil ini tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan tanggungjawab seseorang daripada seksyen 71 Akta.

(7) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini ungkapan "jurutera yang memperakui pelan" termasuklah jurutera yang dilantik untuk mengambil alih.

Pelan hendaklah dikemukakan

6. (1) Semua pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan sepertimana yang dikehendaki oleh Majlis.

(2) Satu set pelan itu hendaklah dibuat atas linen atau bahan lain yang tahan dipakai dan tahan lama dan set ini, bersama dua set lagi dan satu salinan dalam format digital akan disimpan oleh Majlis dan set keempat hendaklah dikembalikan setelah diluluskan.

(3) Jika pelan tersebut tidak diluluskan, satu set pelan tersebut hendaklah dikembalikan dengan suatu pernyataan menerangkan sebab-sebab ia tidak diluluskan.

(4) Tiada apa-apa pun dalam Undang-Undang Kecil ini boleh melarang set tambahan pelan-pelan dikemukakan jika difikirkan bahawa dengan berbuat demikian kerja Majlis boleh dipercepatkan.

Laporan, pelan spesifikasi dan butiran dikemukakan

7. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Majlis, laporan, pelan, spesifikasi dan butiran yang berikut hendaklah dikemukakan—

- (a) suatu laporan penilaian permulaan tapak bersama dengan butiran terperinci mengenai pemuliharaan tanah atas dan langkah-langkah untuk mengawal hakisan dan pendedapan;
- (b) suatu pelan tapak yang dilukis mengikut skala yang tidak kurang 1 nisbah 1000 menunjukkan dengan warna jelas tapak kerja tanah, jalan masuk, alur utama, alur air semulajadi, parit dan tanah yang bersempadan atau sebahagiannya;
- (c) pelan pada kontur 1.5 meter menunjukkan tanah sedia ada di mana kerja tanah itu akan dijalankan dan tanah yang bersempadanan dengannya mengikut skala tidak kurang daripada 1 nisbah 500;
- (d) pelan mengikut skala tidak kurang daripada 1 nisbah 500 menunjukkan—
 - (i) aras platform untuk bangunan atau bangunan-bangunan;
 - (ii) aras siap jalan;
 - (iii) aras dasar parit dan lintasan;
 - (iv) tempat dan aras alir keluar saliran;
 - (v) penutupan atau lencongan bagi mana-mana alur utama dan alur air semulajadi atau pembaikan padanya;
 - (vi) apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbunan yang melebihi 2.5 meter dalam atau tinggi;

- (vii) perlindungan bagi kerja tanah itu daripada hakisan, termasuk perlindungan semasa kerja tanah itu berterusan;
 - (viii) cadangan bagi pengawalan habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah;
 - (ix) semua cerun dan dinding penahan;
 - (x) skil dan arah utara;
 - (xi) peruntukan penahan enap, termasuk peruntukan semasa kerja tanah itu berterusan; dan
 - (xii) kolam pemendapan.
- (e) Pelan muka keratan lintang dan bujur tidak kurang daripada 1 nisbah 100 bagi skala tegak dan tidak kurang daripada 1 nisbah 500 bagi skala datar menunjukkan tanah yang dipunggah bagi kerja tanah itu yang akan dijalankan di tapak itu;
- (f) cara pengorekan, perataan, penimbusan, cerucuk pelindung atau apa-apa proses geo-teknikal yang lain yang akan dijalankan;
- (g) jadual bagi kerja tanah dan susunan dalam mana kerja tanah itu akan dijalankan secara berperingkat;
- (h) banyaknya tanah yang hendak dikorek atau ditambun, tempat di mana tanah yang dikorek hendak diletakkan dan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
- (i) banyaknya tanah yang hendak ditimbus, lokasi di mana tanah perlu ditimbus didapati dan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;

- (j) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersempadanan;
- (k) pelan terperinci mengikut skala tidak kurang daripada 1 nisbah 50 dan spesifikasi bagi cerucuk sasak keping atau lain-lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (l) pelan ukur yang disahkan oleh juruukur bertauliah;
- (m) langkah-langkah yang diambil untuk membersihkan jalan yang dikotori oleh debu, kotoran atau sisa binaan yang jatuh;
- (n) laluan keluar masuk yang akan digunakan dan tempoh menggunakan laluan keluar masuk tersebut; dan
- (o) apa-apa maklumat lain yang diminta oleh Majlis.

(2) Jika relevan, kiraan dan segala aras bumi dan kontur yang dirujuk dalam Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada data yang diberi oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Kajian penilaian kesan ke atas alam sekitar

8. Majlis boleh melalui jurutera Majlis, jika difikirkan perlu, menghendaki sesuatu permohonan kerja tanah disertakan dengan suatu kajian kesan penilaian alam sekitar dan saliran yang disediakan oleh jurutera.

Pelan diserahkan secara berasingan

9. (1) Pelan dan penentuan yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 7 boleh diserahkan secara berasingan dengan kebenaran Majlis.

(2) Apa-apa pelan dan penentuan yang dirujuk di bawah subperenggan 7(1) hendaklah diperakukan di bawah undang-undang kecil 4.

(3) Tiada kerja tanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan penentuan yang diperlukan di bawah Undang-Undang kecil ini telah diluluskan.

Kerja cerucuk

10. Jika kerja cerucuk dicadangkan, pelan yang diserahkan di bawah undang-undang kecil 7 hendaklah mengandungi—

- (a) pelan mengikut skala yang tidak kurang daripada 1 nisbah 50 dan penentuan bahan untuk cerucuk itu dan cara untuk menjalankan kerja cerucuk itu; dan
- (b) suatu perakuan dibuat oleh jurutera mengenai kaedah kawalan paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk itu yang tidak akan menyebabkan kegusaran atau kacau ganggu kepada penduduk di kawasan sekelilingnya.

Pengawasan paras bunyi

11. Jika diarah oleh Majlis, jurutera hendaklah mengawas paras bunyi akibat daripada kerja cerucuk dan laporan mingguan mengenai pengawasannya hendaklah diperakui olehnya dan diserahkan kepada Majlis.

Tata amalan yang berkaitan dipatuhi

12. (1) Di mana jua berkenaan, pelan, penentuan dan kiraan yang diserahkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mematuhi tata amalan yang berikut:

- (a) Penyiasatan tapak – Tata Amalan Piawai British 2001;
- (b) Kerja tanah – Tata Amalan Piawai British 2003;
- (c) Asas Tapak – Tata Amalan Piawai British 2004;
- (d) Tata Amalan Kejuruteraan Awam No 2 di atas Kerja Bina Penahan Tanah yang dikeluarkan oleh Institut Jurutera Kerja Bina United Kingdom;
- (e) Asas dan binaglas bagi bangunan-bangunan bukan perindustrian yang tidak melebihi 4 tingkat – Tata Amalan Piawai British 101; dan
- (f) Manual Saliran Mesra Alam – JPS (MASMA)
- (g) Garis Panduan Pembangunan di Tanah Tinggi

(2) Sekiranya satu Tata Amalan Piawaian Malaysia yang bersamaan ada dikeluarkan selepas mula berkuat kuasa Undang-Undang Kecil ini, ia hendaklah menggantikan Tata Amalan Piawai British mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi.

(3) Apa-apa pelan dan spesifikasi yang telah diluluskan di bawah Tata Amalan Piawai British atau kerja tanah yang dijalankan di bawahnya hendaklah dianggap diberikan di bawah Tata Amalan Piawaian Malaysia.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH ASAS

Keperluan perlindungan bagi kerja tanah asas

13. (1) Mana-mana kerja tanah asas yang dijalankan hendaklah mematuhi perkara berikut:

- (a) jika melebihi tiga meter dalam, sisi-sisinya hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli; atau
- (b) jika tidak melebihi tiga meter dalam, cara perlindungan lain yang diluluskan oleh Majlis bagi sisi-sisinya hendaklah dibina.

(2) Kehendak di bawah perenggan (1) boleh dipinda, diubah atau dikecualikan oleh Majlis jika ia berpuashati daripada penentuan, rekabentuk dan kiraan yang dikemukakan kepada Majlis bahawa suatu cara perlindungan alternatif yang sekurang-kurangnya sama berkesan atau lebih baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta yang bersempadanan atau bersebelahan atau cara perlindungan alternatif itu tidak perlu, mengikut mana yang berkenaan.

Tanah hendaklah disiasat dan muka air tanah hendaklah ditentukan

14. Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mata air dalam mana-mana kerja tanah asas hendaklah ditentukan dan jurutera yang mengesahkan

pelan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah menyerahkan laporan penyiasatan tanah dan memperakui bahawa apa-apa perendahan muka air tanah tidak akan menyebabkan kerosakan kepada mana-mana struktur, jalan atau mana-mana harta lain di sekelilingnya.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN AM BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH

Permohonan berasingan untuk kerja pecah batu

15. Jika kerja pecah batu hendak dijalankan di atas tapak kerja tanah, suatu permohonan berasingan secara bertulis hendaklah dibuat oleh jurutera kepada pihak berkuasa berkenaan untuk kelulusan.

Pemuliharaan tanah atas

16. Tanah atas tapak kerja tanah hendaklah dipulihara bagi tujuan penanaman atau landskap di tapak atau sebagaimana diarah oleh Majlis.

Pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia diusahakan

17. Pokok di atas tapak kerja tanah tidak boleh ditebang atau dibersihkan sehingga tapak kerja tanah itu telah sedia untuk diusahakan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] dan kaedah yang diperbuat di bawahnya.

Kerja tanah melebihi tiga meter

18. (1) Semua kerja tanah yang melebihi tiga meter tinggi atau dalam hendaklah, melainkan jika dikecualikan oleh Majlis, dilindungi dengan suatu struktur penahan atau tiga meter penstabilan cerun.

(2) Bagi kerja tanah di mana struktur penahan atau penstabilan cerun kekal adalah dikecualikan oleh Majlis, maka hendaklah diadakan struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam masa kerja tanah itu berterusan.

Kerja tanah dijalankan secara berperingkat

19. Kerja tanah yang hendak dijalankan hendaklah diperingkatkan mengikut susunan yang dikemukakan di bawah subperenggan 7 (1)(g) dan tiada kerja tanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis di bawah undang-undang kecil 20 telah dipatuhi dan jurutera yang mengesahkan pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerja tanah itu tidak mungkin menyebabkan kacau ganggu atau kerosakan kepada harta di sekelilingnya.

Syarat dikenakan sebelum fasa seterusnya

20. Majlis boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerja tanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya mengkehendaki bahawa—

- (a) alur utama dan alur air semulajadi disalir dan dilencongkan termasuk mengadakan permatang dan pembentung yang mencukupi;

- (b) penahan enap dan kemudahan pengawalan pemendapan lain diadakan dengan cukup serta diselenggarakan dengan sepatutnya;
- (c) struktur penahan diadakan di mana perlu;
- (d) cerun dilindungi dengan mencukupi bagi mengelakkan hakisan;
- (e) segala langkah yang berkesan diambil untuk mengawal habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah;
- (f) asas jalan dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan ke dalam alur air yang sedia ada;
- (g) timbunan dipadatkan; dan
- (h) aras asas tanah yang telah diluluskan oleh Majlis dipatuhi.

Pelan, penentuan, butiran lanjut dan sebagainya jika dikehendaki

21. Majlis boleh melalui jurutera Majlis, jika difikirkan perlu, mengkehendaki pelan, spesifikasi dan butiran lanjut diserahkan atau memberi arahan lanjut, membuat pindaan lanjut kepada pelan itu atau mengenakan syarat lanjut yang difikirkan patut olehnya dan arahan, pindaan atau syarat itu hendaklah dipatuhi.

Pengangkutan dan peletakan tanah

22. Tanah yang hendak diangkut ke atau dari tapak kerja tanah hendaklah diletakkan di suatu tempat dan mengikut arahan dan syarat yang dikenakan oleh Majlis.

Kenderaan untuk mengangkut tanah

23. (1) Setiap orang yang menggunakan apa-apa kenderaan untuk mengangkut tanah melalui satu jalan awam ke atau dari tapak kerja tanah dalam kawasan Majlis hendaklah mendapat permit daripada Majlis dan hendaklah—

- (a) memastikan bahawa badan kenderaan itu dalam keadaan yang baik dan tidak ada ruang atau lubang dari mana tanah boleh jatuh;
- (b) memastikan bahawa tanah tidak diisi dalam kenderaan itu melebihi ketinggian sisi kenderaan itu;
- (c) menutup tanah dengan kain tarpal, plastik, kanvas atau jenis kain lain yang sesuai;
- (d) memastikan bahawa kenderaan itu dibersihkan sebelum kenderaan dibenarkan masuk ke mana-mana jalan awam atau tempat awam; dan
- (e) menggunakan jalan yang ditetapkan oleh Majlis dan mematuhi syarat lain yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh mengenakan cagaran atau deposit dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank apabila meluluskan suatu permohonan untuk menggunakan jalan awam bagi tujuan mengangkut tanah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Cagaran

24. (1) Majlis boleh, apabila meluluskan suatu permohonan bagi kerja tanah atau apa-apa kerja yang berkaitan dengannya, mengenakan cagaran dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama bagi memastikan pematuhan wajar dengan apa-apa syarat, sekatan atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Majlis boleh melucuthakkan keseluruhan cagaran tersebut atau sebahagian daripadanya sekiranya Majlis berpuashati bahawa pelaksanaan kerja tanah tersebut telah melanggar mana-mana syarat, sekatan atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Majlis boleh, selepas memberi peluang untuk didengar, melucuthakkan keseluruhan cagaran tersebut atau sebahagian daripadanya jika Majlis berpuas hati bahawa terdapat suatu pelanggaran dengan mana-mana syarat, sekatan atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(4) Tertakluk kepada perenggan (3), Majlis hendaklah mengembalikan cagaran setelah menerima notis bertulis daripada orang yang mengemukakan untuk –

- (a) memberhentikan kerja tanah pada mana-mana peringkat dengan kelulusan Majlis; atau
- (b) kerja tanah itu telah disempurnakan.

(5) Walau apapun perenggan (2), perlucuthakkan keseluruhan cagaran atau mana-mana bahagiannya di bawah perenggan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan mana-mana orang kerana melanggar apa-apa

syarat atau sekatan atau melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Kerosakan akibat kerja tanah

25. (1) Sekiranya Majlis berpuas hati bahawa kerja tanah tersebut telah menyebabkan apa-apa kerosakan kepada mana-mana jalan atau harta Majlis, Majlis boleh melalui notis yang disampaikan kepada orang yang mengemukakan itu mengarahkan supaya membaiki kerosakan itu dengan kos dan perbelanjaannya sendiri sehingga memuaskan hati Majlis.

(2) Jika orang yang mengemukakan itu gagal untuk melaksanakan kehendak-kehendak notis itu, Majlis boleh melaksanakan kehendak-kehendak notis itu dan segala kos dan perbelanjaan dalam melaksanakan kehendak-kehendak tersebut hendaklah ditanggung oleh orang itu.

(3) Suatu perakuan daripada Majlis menyatakan jumlah wang yang kena dibayar oleh orang itu di bawah perenggan (2) hendaklah dianggap menjadi bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar itu.

(4) Bagi maksud perenggan (2) dan (3), Majlis boleh melucuthakkan apa-apa cagaran yang dikenakan di bawah undang-undang kecil 24.

(5) Kegagalan orang itu untuk membayar kepada Majlis dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah dianggap sebagai suatu hutang kepada Majlis.

Parit hendaklah diselenggarakan sepanjang tempoh kerja

26. Parit di dalam dan bersempadan dengan tapak kerja tanah hendaklah diselenggarakan sepanjang tempoh kerja tanah dalam pelan yang diluluskan dan

hendaklah terus diselenggarakan dalam keadaan yang sama sehingga kebenaran untuk memberhentikan kerja tanah diberi oleh Majlis atau kerja tanah itu disempurnakan.

Kerja tanah dianggap dalam pelaksanaan

27. Kerja tanah hendaklah dianggap sedang berlangsung, sehingga semua permukaan bumi yang terdedah dilitupi dengan tumbuhan, diubun, dilindungi atau dibuat binaan di atasnya.

Papan tanda dipamerkan

28. Apabila sesuatu kerja tanah dimulakan, orang yang bertanggungjawab hendaklah mempamerkan sepanjang tempoh pelaksanaan kerja tanah, suatu papan tanda sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis, yang menunjukkan—

- (a) nama pemilik tanah atau ejen;
- (b) alamat pos dan no telefon pemilik tanah atau ejen;
- (c) kontraktor;
- (d) nombor rujukan kelulusan daripada Majlis; dan
- (e) lain-lain butiran yang dikehendaki oleh Majlis dari masa ke semasa.

Tugas jurutera untuk memaklumkan

29. Jurutera yang menyelia kerja tanah hendaklah, memaklumkan Majlis tentang apa-apa pergerakan tanah, gelinciran bumi, apa-apa kegagalan atau

apa-apa perubahan dalam muka air tanah yang wujud di tapak atau bersempadanan dengan tapak kerja tanah.

BAHAGIAN V PENGUATKUASAAN

Penalti

30. Mana-mana orang yang—

- (a)* dengan diketahuinya atau dengan cuai mengemukakan pelan, penentuan, kiraan atau butiran yang palsu dalam apa-apa butir matan atau memberi perakuan yang dikehendaki di bawah Jadual Kedua secara palsu;
- (b)* tanpa sebab yang munasabah gagal mematuhi apa-apa arahan, pindaan atau syarat yang diberi atau dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (c)* tanpa sebab yang munasabah gagal memberi notis yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 5; atau
- (d)* melanggar mana-mana peruntukan dalam Undang-Undang Kecil ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit dan denda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kuasa menyita

31. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa barang atau benda apabila dia berpuas hati bahawa kerja tanah itu telah melanggar atau dengan munasabahnya dipercayai akan melanggar peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Jika apa-apa barang atau benda yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda tersebut daripada Majlis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini.

Perlucuthakan jika ada pendakwaan

32. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, perlucuthakan atau pelepasan apa-apa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda hanya boleh dibuat atas perintah Mahkamah yang dihadapannya pendakwaan telah diputuskan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa –

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) apa-apa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda yang dilucuthakan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Yang Dipertua dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Yang Dipertua.

Perlucuthakan jika tiada pendakwaan

33. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucuthakan kepada Dipertua apabila tamat tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyitaan melainkan suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda itu tidak boleh dilucuthakan boleh, sama ada dia sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Yang Dipertua bahawa dia menuntut kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda yang disita itu.

(3) Atas penerimaan suatu notis di bawah perenggan (2), Yang Dipertua boleh mengarahkan supaya kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua barang atau benda itu dilepaskan tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditetapkan oleh Majlis dan apa-apa hasil yang diperolehi hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Majlis.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapati

34. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang

diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

BAHAGIAN VI PELBAGAI

Pemeriksaan pelan

35. (1) Sesuatu pelan yang diluluskan boleh diperiksa oleh mana-mana orang di pejabat Majlis.

(2) Dengan kelulusan jurutera Majlis berserta dengan kebenaran bertulis pemilik tanah itu dan dengan membayar fi yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, pelan itu boleh disalin dan diperakui sebagai salinan yang benar.

Pengecualian

36. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) dan (3), Undang-Undang Kecil ini tidak terpakai bagi kerja tanah kecil yang ditentukan dalam Jadual Ketiga.

(2) Jurutera hendaklah, sebelum memulakan sesuatu kerja tanah kecil menyerahkan suatu perakuan dalam Borang D Jadual Kedua.

(3) Jurutera Majlis boleh pada bila-bila masa memeriksa sesuatu tapak kerja tanah yang diperakui di bawah perenggan (2) sebagai kerja tanah kecil dan jika berpuas hati, kerja tanah tersebut bukanlah kerja tanah kecil yang ditentukan dalam Jadual Ketiga, boleh mengarahkan supaya kerja tanah tersebut diberhentikan dan peruntukan undang-undang kecil 4 terpakai, *mutatis mutandis*.

(4) Majlis boleh mengecualikan mana-mana kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi kerja tanah untuk tujuan pertanian.

Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

37. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL PERTAMA
UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS DAERAH SETIU) 2014

[Undang-undang kecil 4, 23, 24 dan 35]

Fi yang kena dibayar oleh orang yang mengemukakan pelan-pelan untuk dipertimbangkan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah seperti yang berikut:

- | | |
|---|--|
| 1. Kerja tanah asas tidak melebihi tiga meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali dan melibatkan hingga dua ratus lima puluh meter padu tanah. | RM65.00 setiap permohonan |
| Bagi tiap-tiap seratus meter padu tambahan tanah yang terlibat atau sebahagian daripadanya. | RM12.50 setiap permohonan |
| 2. Kerja tanah asas melebihi tiga meter di bawah aras tanah yang paling tinggi. | 1 1/2 kali fi yang ditetapkan di butiran 1 |
| 3. Kerja tanah asas melebihi dua belas meter di bawah aras tanah yang paling tinggi. | 2 kali fi yang ditetapkan di butiran 1 |
| 4. Kerja tanah am: | |
| (a) Projek Pembangunan | RM500.00 sehektar atau sebahagiannya |
| (b) Rumah sesebuah | RM100 seunit |
| (c) Kerja-kkerja utiliti | RM500 bagi 1km atau sebahagian daripadanya |
| 5. Untuk menyalin satu set pelan dengan kelulusan orang yang mengemukakan pelan dan memperakui sebagai salinan yang benar. | RM50.00 satu pelan |

6. Jumlah cagaran yang boleh dikenakan sama ada dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank kepada Majlis:

(a) bagi kerja tanah am

Tidak melebihi RM 50,000 setiap permohonan

(b) penggunaan jalan awam

Tidak melebihi RM 50,000 setiap permohonan

(c) penyelenggaraan parit

Tidak melebihi RM 50,000 setiap permohonan

(d) langkah kawalan banjir

Tidak melebihi RM 50,000 setiap permohonan

JADUAL KEDUA
UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS DAERAH SETIU) 2014

Borang A
PENGEMUKAAN PELAN UNTUK KERJA TANAH

[Undang-undang kecil 4]

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Setiu,

Saya/Kami dengan ini memohon untuk kerja yang dicadangkan seperti yang berikut:

.....
.....
.....

bagi pihak (Nama Tuan punya/Pemaju).....

No. Lukisan.....

kiraan dan spesifikasi diserahkan bersama-sama ini.

Saya dengan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk rekabentuk, spesifikasi dan perjalanan kerja tersebut.

Tandatangan :

Nama :

Profesion :

Alamat :

.....

.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:

.....

Cop rasmi

Bertarikh:.....

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Setiu,

Saya/Kami, Tuan punya/Pemaju projek yang tersebut di atas dengan ini mengesahkan bahawa jurutera.

Nama :.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera :.....

Alamat :.....

telah dilantik untuk mengemukakan pelan bagi pihak saya/kami.

Saya/Kami dengan ini mengaku janji seperti yang berikut:

1. Nama dan alamat jurutera yang bertanggungjawab untuk menyelia kerja akan dikemukakan kepada tuan sebelum permulaan kerja tersebut.
2. Saya/Kami akan mematuhi dengan sepenuhnya kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Bandaraya/Perbandaran/Daerah_____) 2013.
3. Pegawai Majlis berhak untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa kerja, setor bahan dan tapak di mana kerja itu dijalankan.
4. Saya/Kami akan bersesama dan berasingan bertanggungjawab dengan jurutera bagi apa-apa kerosakan harta dan apa-apa akibat lain daripada pembinaan kerja tersebut.

Tandatangan :.....

Nama :.....

Profesion :.....

Alamat :.....

.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:

.....

Cop rasmi

Bertarikh:.....

JADUAL KEDUA
UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS DAERAH SETIU) 2014

Borang B

NOTIS MEMULAKAN KERJA TANAH
[Perenggan 5(4)]

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Setiu,

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh notis diterima, saya bercadang untuk memulakan kerja tanah dan memperakui bahawa kerja tanah iaitu:

Atas Lot/Lot-lot:.....
Mukim/Pekan/Bandar:.....
Jalan:.....
bagi tujuan:.....
menurut pelan yang diluluskan No:

Tandatangan :.....
Nama :.....
Profesion :.....
Alamat :.....
.....
No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:

.....
Cop rasmi

Bertarikh:.....

JADUAL KEDUA
UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS DAERAH SETIU) 2014

Borang C

NOTIS TAMAT KERJA TANAH
[Perenggan 5 (5)]

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Setiu

Saya memperakui bahawa kerja tanah iaitu:

Atas Lot/Lot-lot:

Mukim/Pekan/Bandar:

Jalan:

Bagi tujuan:.....

telah disempurnakan menurut —

*(a) pelan yang diluluskan; atau

(b) pelan yang diluluskan dengan pindaan mengikut perenggan 5 (3)

Tandatangan :.....

Nama :.....

Profesion :.....

Alamat :.....

.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:.....

.....
Cop rasmi

Bertarikh:.....

**potong mana yang tidak berkenaan.*

JADUAL KEDUA
UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS DAERAH SETIU) 2014

Borang D

PERAKUAN KERJA TANAH KECIL
[Undang-undang kecil 36]

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Setiu,

Saya memperakui bahawa kerja tanah iaitu:

Atas Lot/Lot-lot:.....

Mukim/Pekan/Bandar:.....

Jalan:

bagi tujuan:.....

ialah kerja tanah bersifat kecil menurut Jadual Ketiga Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis _____) 2013.

2. Saya difahamkan bahawa pengecualian dari kehendak Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis _____) 2013, tidak akan melepaskan saya dari tanggungjawab ke atas mana-mana pihak atas kerugian yang disebabkan oleh kerja tanah tersebut.

3. Saya juga bersetuju mengganti rugi dan terus mengganti rugi Majlis _____ untuk apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian, tindakan atau prosiding yang bakal di ambil terhadapnya yang disebabkan oleh dan akibat daripada kerja tanah tersebut.

Tandatangan :.....

Nama :.....

Profesion :.....

Alamat :.....

.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:.....

.....
Cop rasmi

Bertarikh:.....

JADUAL KETIGA
UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS DAERAH SETIU) 2014

KERJA TANAH KECIL

[Undang-undang kecil 3 dan 36]

1. Mengorek untuk landskap tanpa struktur sedalam tidak melebihi tiga meter.
2. Mengorek untuk menanam atau membantun pokok atau tiang sedalam tidak melebihi tiga meter.
3. Mengorek untuk pembinaan lurang, memasang paip dan kabel sedalam tidak melebihi tiga meter.
4. Mengorek untuk lubang asas tidak melebihi tiga meter kali tiga meter untuk bangunan kediaman yang sekurang-kurangnya tiga meter jauh dari sempadan dan tidak melebihi tiga meter dalam.
5. Mengorek untuk asas yang tidak melebihi tiga meter dalam selagi pengorekan itu bukan untuk maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan tidak ada bangunan di tanah bersebelahan.
6. Mengorek dalam lingkungan apa-apa tapak tidak melebihi tiga meter dalam dan melebihi tiga meter jauh dari sempadan dan untuk pengorekan itu cerucuk tidak dikehendaki.
7. Apa-apa kerja yang ditetapkan oleh Majlis sebagai kerja tanah kecil.

Dibuat oleh Majlis Daerah Setiu dalam Mesyuaratnya pada 29 Mei 2014.

[MDS.002/10/1 JLD.19-(20)-5/2014]

*Haji Samiun bin Salleh
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Setiu.*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam Mesyuaratnya
_____ 2014.

Zulkifli bin Ali
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu.

